



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN DAN KHATAM AL-QURAN KALI KE-8
KOLEJ AL-QURAN SAYYIDINA ALI
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA**

**TARIKH: 10 APRIL 2021 (SABTU) , MASA: 2.45 PETANG
DI AMES HOTEL, AYER KEROH
(WAKIL: YB DATUK HJ MD RAWI BIN MAHMUD)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

**YANG DIKASIHI;
TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM,
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA;**

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian hadir pada Majlis Konvokesyen dan Khatam al-Quran Kali Ke-8 Kolej Al-Quran Sayyidina Ali, Jabatan Agama Islam Melaka. Sesungguhnya, kehadiran Tun

amat bermakna buat seluruh rakyat Melaka demi menyubur dan meninggikan institusi dan syiar Islam di Negeri Melaka.

2. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, izinkan saya menyampaikan ucapan kepada hadirin dalam majlis ini.

Terima kasih saudara pengacara majlis,

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

3. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana berkat rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada petang ini dalam Majlis Konvokesyen Kolej Al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) kali ke - 8.

4. Terlebih dahulu, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah menjemput saya menghadiri majlis ini bagi mewakili YAB Ketua Menteri Melaka. Walau bagaimanapun, YAB Ketua Menteri Melaka

menyampaikan salam takzim kepada semua dan mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar.

5. Hari ini, kita berhimpun bagi meraikan mahasiswa – mahasiswi yang telah menamatkan hafazan 30 Juzuk al-Quran dan bakal menggenggam Diploma Tahfiz al-Quran. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, kami sangat berbangga dengan kejayaan anak-anak hufaz dan hafizah pada hari ini.
6. Saya tahu, bukan mudah untuk menghafaz ayat suci al-Quran ini dengan tartil di samping memahami setiap maksud bait-bait ayat suci ini. Saya berharap, graduan yang telah lahir daripada rahim KAQSA ini, akan keluar menyumbang bakti kepada negara, memainkan peranan di tengah – tengah masyarakat

serta memandu umat ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT.

Saudara dan saudari sekalian,

7. KAQSA yang berdiri megah pada hari ini merupakan kesinambungan iltizam Kerajaan Negeri, yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) untuk memartabatkan al-Quran, melalui pendidikan Tahfiz al-Quran bagi melahirkan huffaz al-Quran berwibawa yang akan menyumbang jasa kepada pembangunan Islam di negeri kita yang tercinta ini.

8. Untuk makluman hadirin dan hadirat sekalian, KAQSA mendapat sentuhan idea secara langsung daripada Tuan Yang Terutama Tun sendiri. Penubuhannya digerakkan oleh beliau sewaktu menjawat sebagai Ketua Menteri Melaka yang ke - 9. Justeru, Saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka merakamkan setinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun atas jerih payah dan usaha yang tidak pernah putus hingga pembangunan kolej ini dapat menjadi kenyataan.

9. Umum mengetahui, KAQSA melalui sejarah yang panjang. Penubuhannya bermula 10 tahun lepas di Masjid Sayyidina Ali dengan nama lamanya iaitu Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sayyidina Ali (MTQMSA). Bermula dengan belasan orang

mahasiswa, sehingga kini telah mencecah hampir 100 orang mahasiswa keseluruhannya.

10. Dengan pembinaan bangunan baharu pada tahun 2019, kolej ini mampu menampung sehingga 120 orang mahasiswa dalam satu – satu masa, di mana kapasiti ini akan terus ditingkatkan untuk melahirkan lebih ramai huffaz pada masa akan datang.
11. Di samping itu, kurikulum KAQSA menggunakan sepenuhnya kurikulum Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dengan maksud, graduan KAQSA berdiri sama tinggi dan duduk sama

rendah dengan graduan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan mempunyai kelayakan serta peluang melanjutkan pengajian yang sama.

12. KAQSA menawarkan dua program diploma utama, iaitu **Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat**, serta **Diploma Tahfiz Al-Quran dan Pengurusan Halal**. Sehingga hari ini, Alhamdulillah, ratusan graduan telah berjaya dan dihasilkan di mana sebahagian besarnya menyambung pengajian di dalam dan luar negara.
13. Kerajaan Negeri Melaka amat prihatin terhadap usaha-usaha yang berkaitan dengan pembangunan Islam dan umatnya, untuk mendapatkan akses

kepada pendidikan agama. Begitulah juga keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan pembangunan seimbang, iaitu antara pembangunan material atau fizikal dengan pembangunan rohaniah atau spiritual. Kedua-duanya merupakan kunci kebahagiaan hidup Muslimin di dunia dan akhirat.

14. Akhir kalam, saya sekali lagi merakamkan jutaan tahniah dan penghargaan kepada para graduan, ibu bapa dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembangunan KAQSA. Kerajaan Negeri Melaka berasa amat bertuah dengan kehadiran Kolej al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA) dan didoakan semoga kehadiran kolej ini

menjadi tapak melahirkan huffaz dan cendekiawan Islam terulung untuk berbakti di tanah air kita tercinta ini.

PENUTUP

15. Demikianlah sahaja ucapan saya pada kali ini. Semoga Tuan Yang Terutama Tun serta seisi keluarga mendapat keberkatan, keistimewaan, kerahmatan dan keampunan daripada Allah S.W.T.
16. Saya doakan majlis kita pada petang ini dirahmati Allah S.W.T dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang beriman.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ...